

Dr Mohd Khairuddin Presiden PSAUMS baharu

NST 27.2.2015 5

KOTA KINABALU: Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Mohd Khairuddin Abdullah dilantik sebagai Presiden Persatuan Staf Akademik UMS (PSAUMS) pada mesyuarat agung persatuan tersebut baru-baru ini.

Pelantikan itu sekali gus menyaksikan Dr. Mohd Khairuddin bakal menerajui kepimpinan PSAUMS untuk satu penggal, iaitu sehingga tahun 2018.

Mesyuarat agung yang diadakan buat julung kalinya di Galeri Majlis, Bangunan Canselori itu turut mengadakan pemilihan bagi beberapa jawatan kepada ahli persatuan berkenaan.

Jawatan Timbalan Presiden disandang oleh Pensyarah Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Dr Khairul An-

uar Mohamad, manakala Dr Razak Mohd Ali Lee juga dari FKJ dipilih sebagai Setiausaha Agung PSAUMS.

Beberapa lagi jawatan turut diisi oleh kalangan ahli akademik, antaranya Timbalan Setiausaha Agung yang disandang oleh Mohd Sobri Ismail, Dr. Musirin Mosin sebagai Bendahari Kehormat, dan Ahli Jawatankuasa (AJK) masing-masing disandang oleh Dr Mohd Norazan Abdullah, Dr Mohd Hanafi Ahmad Hijazi, Dr Rosmalina Abd. Rashid.

Dalam pada itu, persatuan itu turut membincangkan usul perancangan beberapa program PSAUMS, antaranya dialog bersama Majlis Profesor Negara, syarahan umum, libatsama komuniti, konsultant dan khidmat nasihat kepakaran bidang ter-

tentu.

PSAUMS ditubuhkan antara lain bertujuan untuk meningkatkan taraf profesionalisme, meningkatkan budaya akademik dan keintelektualan ahli persatuan, menyediakan platform pertukaran pendapat antara ahli, dan menjadi saluran komunikasi untuk mengutarakan isu-isu kepentingan ahli akademik kepada pihak pentadbiran universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Selain itu, persatuan berkenaan turut komited untuk bekerjasama dan menyelaraskan usaha dengan universiti dalam hal berkaitan dengan penambahbaikan dan peningkatan mutu pengajaran, penyelidikan dan perundingan, serta memastikan hak dan kebajikan ahli dilindungi.



BERSAMA AJK...Dr. Khairuddin (duduk tengah) bergambar bersama para ahli Persatuan Staf Akademik UMS.